



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

4 Sep2021 (Saturday)

Berita Harian

JKNS segera laksanakan vaksinasi selepas dapat senarai JAIS	1
MB bawa isu ke mesyuarat negeri	2
Lang Merah, CityBoys buru hajat besar	3

Utusan Malaysia

Kerajaan Selangor bincang isu hutan simpan Rabu ini	4
NGO akan buat aduan polis	5

Harian Metro

Dibawa ke MMKN 8 September ini	6
Infrastruktur di Selangor sudah mencukupi, tak perlu lupus HSKLU	7

Kosmo

100 orang dibenarkan solat Jumaat, fardu di Selangor	8
112 kakitangan JAIS diarah ambil suntikan vaksin	9
NGO serah memorandum bantah nyahwarta HSKLU	10

Sinar Harian

Hala tuju HSKLU dibawa MMKN Rabu depan	11
Hormat suara rakyat, batal nyah warta segera - MN Selangor	12
'Selangor wajar jadi contoh pelihara hutan'	13
UMNO Selangor terus desak kerajaan negeri batal nyah warta HSKLU	14
JAIS keluar arahan guru KAFA, pegawai masjid perlu ambil vaksin	15
Solat Jumaat dengan 100 jemaah	16
Lembah Klang alami gangguan bekalan air lagi	17

Astro Awani

Pulih Dan Pelihara Sisa Hutan Yang Ada	18
--	----

The Star

Each MBSJ councillor to get RM5,000 for anti-dengue programme	19
Switching to sustainable alternatives	20
Stern action to reduce food shortage in Sri Lanka	21

New Straits Times

Selangor govt to resolve degazettement of forest reserve issue	22
--	----

Lite FM

Selangor To Give 60 Covid-19 Doses To Villagers	23
---	----

The Edge

Setia Awan to launch Astrum Ampang this month	24
Degazettement of Kuala Langat North Forest Reserve on hold	25
Invest Selangor seeks 1,000-acre land for aircraft teardown facility	26

China Press

Sandbags abandone at gutter next to Dong Chan Shi Temple; Garbage contractor sends staff to clean up.	27
---	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Sin Chew Daily

Strengthening law enforcement and severe punishment, protecting water sources has worked, and Selangor River has drastically reduced water pollution 28

Nanyang Siang Pau

Taman Seratus refurbished, MPK repaired and infused with new elements 29

Hackers break into couple's account, split RM160,000 deposit 60 times transfers 30

Selangor Executive Council to discuss HSKLU topic on 8th 31

Guang Ming Daily

Selangor cares for diagnosed families and distributes 60,000 kits free of charge 32

CCTV installed to monitor flooding in 2 residential areas in Port Klang 33

Taman Seratus to be upgraded and infused with new elements 34



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 4 September 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	JKNS segera laksanakan vaksinasi selepas dapat senarai JAIS
Muka Surat	:	6

JKNS segera laksanakan vaksinasi selepas dapat senarai JAIS

Shah Alam: Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) akan menyegerakan proses vaksinasi kepada guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), pegawai masjid dan penolong pendaftar nikah yang sebelum itu enggan divaksin sebaik menerima senarai penuh daripada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, berkata beliau menghadap Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj, kelmarin, bagi membincangkan perkara berkenaan.

"JKNS akan menyegerakan pemberian vaksin kepada mereka yang terbabit selepas mendapat senarai nama daripada JAIS. JKNS dan JAIS sudah sepakat untuk mengadakan satu sesi khusus kepada mereka.

"Saya sudah meminta senarai penuh dan tarikh daripada Pengarah JAIS, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad, semalam (kelmarin).

"Jadi sekarang sedang tunggu senarai penuh dan tarikh sesuai daripada pihak JAIS untuk melaksanakan vaksinasi khusus kepada individu terbabit. Kita bersedia pada bila-bila masa untuk vaksinasi khas ini secepat mungkin," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj dalam titahnya menzahirkan dukacita di atas keengganan sejumlah guru KAFA, pegawai masjid dan penolong pendaftar nikah untuk divaksin.

Baginda mengingatkan pihak terbabit bahawa mereka mungkin tidak akan dibenarkan meneruskan tugas jika tidak divaksin.

Baginda bimbang ia akan membahayakan diri sendiri dan orang ramai, terutama pelajar.

Dr Sha'ari berkata, pemberian vaksin kepada individu terbabit akan diberikan sekali gus pada satu tarikh khas dan di tempat sudah dipersetujui.

Saya sudah minta senarai penuh, tarikh daripada Pengarah JAIS kelmarin



Dr Sha'ari Ngadiman, Pengarah Kesihatan Selangor



KERATAN AKHBAR		
4 September 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	MB bawa isu ke mesyuarat negeri
Muka Surat	:	9

Penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara

MB bawa isu ke mesyuarat negeri

Shah Alam: Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, akan membawa isu berkaitan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) ke mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), pada 8 September ini.

Menerusi kenyataan bersama Pakatan Harapan (PH) Selangor, perkara itu dicapai dalam pertemuan Amirudin bersama pimpinan parti komponen parti itu.

"Keputusan ini dibuat hasil mesyuarat bersama pengerusi parti komponen PH Selangor pagi ini (semalam) yang mana semua pihak menyatakan pandangan dan keprihatinan masing-masing mengenai isu itu.

"Pada masa sama, bantahan terhadap cadangan Lebuhraya Petaling Jaya Dispersal Link (PJD Link) turut diberi perhatian dan dibincangkan.

"PH Selangor ambil maklum bahawa PJD Link belum diluluskan oleh kerajaan negeri. Mesyuarat juga bersetuju menolak sebarang usaha untuk menghidupkan semula projek Lebuhraya

ya KIDEX atau seumpamanya," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, pengerusi parti komponen PH Selangor komited dalam menjunjung semua prinsip asas parti berkaitan alam sekitar dan agenda kepedulian rakyat sebagai pedoman dan panduan dalam setiap perancangan pembangunan negeri.

Selangor pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor memaklumkan MMKN memutuskan kira-kira 536.70 hektar daripada keseluruhan kawasan HSKLU diluluskan untuk dinyahwarta mengikut Seksyen 12, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor Hee Loy Si-an, berkata keputusan itu dibuat menerusi MMKN pada 5 Mei dan disahkan pada 19 Mei.

Katanya, jumlah keluasan HSKLU yang ingin dinyahwarta ini adalah kurang 45 peratus da-



ri pada jumlah asal yang dicadangkan iaitu kira-kira 991.90 hektar.

Pada mesyuarat sama, MMKN turut meluluskan kawasan seluas 581.48 hektar sebagai gantian HSK di negeri ini.

Sementara itu, Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) meminta kerajaan Selangor membatalkan terus penyahwartaan HSKLU.

Presidennya, Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil, berkata pembangunan serta infrastruktur di Selangor sudah cukup sempurna dan tidak perlu lagi membina apa-apa sehingga menjejaskan hutan simpan.

"Kami meminta Menteri Besar

membatalkan terus penyahwartaan HSKLU, kami tidak mahu lagi hutan dimusnahkan.

"Selangor sudah cukup banyak pembangunan dan infrastruktur, tidak perlu lagi membina apa-apa sebaliknya bina (wujudkan) lebih banyak kawasan hijau untuk anak-anak kita.

"Selangor seharusnya menjadi contoh buat negeri-negeri lain dalam aspek pemeliharaan kawasan hutan simpan yang menjadi sumber penyerapan air hujan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas sesi penyerahan memorandum bersama Otai Reformasi 98 dan Pertubuhan Perubahan Rakyat Malaysia yang mendesak kerajaan Selangor membatalkan penyahwartaan HSKLU di luar perkarangan Bangunan Setiausaha Kerajaan (SUK), semalam.

Shariffa Sabrina berkata, pihaknya mahu sesi pendengaran awam diadakan semula dan memberi tempoh sebulan untuk kerajaan negeri memberi maklum balas mengenai tuntutan yang dibuat.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
4 September 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Lang Merah, CityBoys buru hajat besar
Muka Surat	:	38

Lang Merah, City Boys buru hajat besar

Kuala Lumpur: Adakah Kedah Darul Aman FC (KDA) akan menjadi pemusnah rekod tanpa kalah yang dipegang Kuala Lumpur City FC (KL City) hampir lima bulan?

Persoalan itu hanya akan terjawab selepas aksi 90 minit di Stadium Bolasepak Kuala Lumpur malam ini, dengan kedua-dua pasukan sudah pasti tidak mahu tercicir mata penting ketika saingan musim ini sedang menuju kemuncak.

Apa yang menarik, Kedah menjadi pasukan terakhir berjaya menundukkan KL City pada April lalu dan selepas itu skuad kendalian Bojan Hodak tidak tewas dalam 10 perlawanan

berikutnya.

Skuad Lang Merah yang masih memiliki baki tiga perlawanan musim ini akan turun dengan misi memburu tiga mata berharga bagi meneruskan langkah mereka mengejar gelaran naib juara selepas JDT sudah sah mempertahankan kejuaraan Liga Super buat tahun kelapan berturut-turut.

Skuad kendalian Aidil Sharin Sahak itu kini mengumpul 39 mata di kedudukan kedua dan mereka dicabar hebat Terengganu FC (TFC) dan Penang FC yang berkongsi 37 mata di tangga ketiga dan keempat.



Aidil Sharin Sahak



Bojan Hodak

KL City turut memiliki 'nafsu' sama bagi meneruskan rentak cemerlang selepas meraih tiga kemenangan berturut-turut sebelum ini selain skuad City Boys itu turut belum tewas di gelanggang sendiri sepanjang mu-

sim ini.

Selain itu, pertembungan pasukan bawahan antara PJ City dan UiTM FC di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) juga pasti menarik yang mana ia akan menentukan nasib UiTM FC dalam Liga Super musim depan.

Walaupun hampir pasti bakal tersingkir ke Liga Perdana musim depan,

UiTM masih meneruskan sisa perjuangan mereka dalam baki tiga lagi perlawanan musim ini selepas hanya mengumpul sembilan mata daripada 19 perlawanan dan berada di kedudukan tercorot.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
4 September 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kerajaan Selangor bincang isu hutan simpan Rabu ini
Muka Surat	:	7

Kerajaan Selangor bincang isu hutan simpan Rabu ini

Oleh **MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS**
 utusannews@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Kerajaan Selangor dijangka membincangkan isu penyahwartaan 536.7 hektar kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada Rabu ini.

Kepemimpinan Pakatan Harapan (PH) Selangor dalam satu kenyataan berkata, mereka meminta kepemimpinan kerajaan negeri berbuat demikian setelah mengadakan mesyuarat semalam.

“Semua kepimpinan PH Selangor telah memberikan pandangan masing-masing mengenai penyahwartaan HSKLU.

“Jadi kami ambil keputusan meminta semua Exco Selangor buat pertimbangan serta jelaskan hala tuju isu terbabit dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 8 September ini,” katanya semalam.

Isnin lalu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian ketika sesi pergulungan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan



PRESIDEN PEKA, Puan Seri Prof. Dr. Shariffa Sabrina Syed Akil bersama kumpulan NGO menyerahkan memorandum bantahan penyahwartaan HSKLU kepada Shari Said (kanan) di Shah Alam, semalam. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

Dewan Negeri Selangor ke-14 memaklumkan Kerajaan negeri telah meluluskan penyahwartaan HSKLU pada 19 Mei lalu.

Namun menurutnya, kerajaan negeri telah menggantikan HSKLU dengan mewartakan beberapa kawasan hutan seluas 581.48 hektar di sekitar Selangor.

Selain penyahwartaan HSKLU,

PH Selangor turut membincangkan isu bantahan cadangan pembinaan Lebuhraya Petaling Jaya Dispersal Link (PJD Link).

Menurut beliau, pihaknya mengambil maklum bahawa kerajaan Selangor belum meluluskan cadangan membina lebuhraya terbabit.

“Mesyuarat juga bersetuju

menolak sebarang usaha untuk menghidupkan semula projek Lebuhraya KIDEX atau seumpama dengannya.

“Pengerusi parti dalam komponen PH komited menjunjung segala prinsip pakatan ini yang peduli terhadap alam sekitar serta isu berkaitan rakyat,” tegasnya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 4 September 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	NGO akan buat aduan polis
Muka Surat	:	7

NGO akan buat aduan polis

SHAH ALAM: Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Otai Reformis akan membuat laporan polis meminta pihak berkuasa menyiasat berhubung dakwaan harga tanah Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) ditawarkan rendah iaitu RM3 sekaki persegi.

Setiausahanya, Abdul Razak Ismail berkata, laporan polis akan dibuat bagi menyiasat proses penyahwartaan itu serta penjualan tanah kepada syarikat pemaju yang bukan pada harga sepatutnya.

"Kami hairan bagaimana sebuah syarikat yang baru ditubuhkan enam bulan lalu mendapat tanah tersebut dengan harga RM3 satu kaki (persegi)," katanya selepas menyerahkan memorandum bantahan penyahwartaan HSKLU di luar pekarangan Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, di sini semalam.

Pertubuhan Gerak 98 dan Pertubuhan Khazanah Alam Malaysia (PEKA) turut menyerahkan memorandum kepada pegawai berita Pejabat Menteri Besar Selangor, Shari Said.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian ketika sesi pergulungan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan Dewan Negeri Selangor ke-14 Isnin lalu memaklumkan kerajaan negeri meluluskan penyahwartaan HSKLU pada 19 Mei lalu.

Bagaimanapun, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari baru-baru ini menangguhkan penyahwartaan dan memaklumkan perkara itu akan dibincangkan dalam Mesyuarat Exco pada Rabu ini.

Sementara itu, Presiden PEKA, Puan Seri Prof. Dr. Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, kerajaan Selangor perlu mempertahankan HSKLU daripada dibangunkan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 4 September 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Dibawa ke MMKN 8 September ini
Muka Surat	:	20

Dibawa ke MMKN 8 September ini

Shah Alam: Isu berkaitan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) akan dibawa ke Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 8 September hadapan.

Menerusi kenyataan bersama Pakatan Harapan (PH) Selangor, pimpinan parti komponen parti itu bersetuju perkara itu dibawa ke MMKN oleh Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari.

"Keputusan ini dibuat hasil mesyuarat bersama pengerusi parti-parti komponen PH Selangor yang diadakan pagi ini (semalam) yang mana semua pihak menyatakan pandangan dan keprihatinan masing-masing berkenaan isu tersebut.

"Pada masa yang sama, bantahan terhadap cadangan lebuhraya Petaling Jaya Dispersal Link (PJD Link) turut diberi perhatian dan dibincangkan dengan panjang lebar.

"PH Selangor ambil maklum bahawa PJD Link belum diluluskan oleh kerajaan negeri. Mesyuarat juga turut bersetuju menolak sebarang usaha untuk menghidupkan semula projek lebuhraya KIDEX atau seumpama dengannya," tulis kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, pengerusi-pengerusi parti komponen PH Selangor komited dalam menjun-



AMIRUDIN

jung semua prinsip asas parti berkaitan alam sekitar dan agenda kepedulian rakyat sebagai pedoman dan panduan dalam setiap perancangan pembangunan negeri.

Terdahulu, Selangor pada persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) Selangor memaklumkan

MMKN memutuskan kira-kira 536.70 hektar daripada keseluruhan kawasan HSKLU diluluskan untuk dinyahwarta mengikut Seksyen 12, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor Hee Loy Sian, berkata keputusan itu dibuat menerusi MMKN pada 5 Mei dan disahkan pada 19 Mei.



KERATAN AKHBAR
4 September 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Infrastruktur di Selangor sudah mencukupi, tak perlu lupus HSKLU
Muka Surat	:	20



SHARIFFA Sabrina diiringi Setiausaha Otai Reformis, Abdul Razak Ismail (tengah) menyerahkan memorandum bantahan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara, semalam.

Infrastruktur di Selangor sudah mencukupi, tak perlu lupus HSKLU

Shah Alam: Tidak wajar berlaku lagi kemusnahan hutan di Malaysia dan kerajaan Selangor perlu membatalkan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU).

Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, pembangunan serta infrastruktur di Selangor sudah cukup sempurna dan tidak perlu lagi membina tambahan apa-apa.

“Kami meminta Menteri Besar membatalkan terus penyahwartaan HSKLU, kami tidak mahu lagi hutan negara dimusnahkan.

“Selangor sudah cukup banyak pembangunan dan infrastruktur, tidak perlu lagi membina apa-apa, sebaliknya bina (wujudkan) lebih banyak kawasan hijau untuk anak-anak kita.

“Selangor seharusnya menjadi contoh buat negeri-negeri lain dalam aspek pemeliharaan kawasan hu-

tan simpan yang menjadi sumber penyerapan air hujan,” katanya selepas sesi penyerahan memorandum bersama Otai Reformasi 98 dan Pertubuhan Perubahan Rakyat Malaysia yang mendesak kerajaan Selangor membatalkan penyahwartaan HSKLU di luar perkarangan pagar utama Bangunan Setiausaha Kerajaan (SUK) di sini, semalam.

Shariffa Sabrina berkata, pihaknya mahu sesi pendengaran awam diadakan se-

mula dan memberi tempoh sebulan untuk kerajaan negeri memberi maklum balas mengenai tuntutan yang dibuat.

Terdahulu, Pakatan Harapan (PH) Selangor dalam kenyataan semalam memaklumkan Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, akan membawa isu berkaitan penyahwartaan HSKLU ke Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 8 September ini.



KERATAN AKHBAR
4 September 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	100 orang dibenarkan solat Jumaat, fardu di Selangor
Muka Surat	:	5

100 orang dibenarkan solat Jumaat, fardu di Selangor

SHAH ALAM – Jumlah bilangan jemaah bagi menunaikan solat Jumaat dan fardu di Selangor dipertingkatkan kepada antara 50 hingga 100 orang berbanding enam sahaja sebelum ini.

Berdasarkan pekeliling Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), kebenaran itu susulan trend penurunan kes Covid-19 yang agak konsisten setelah lebih sebulan dengan purata 4,000.

“Langkah-langkah pencegahan yang agresif oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri khususnya program vaksinasi yang telah mencapai lebih 69 peratus daripada jumlah keseluruhan berdaftar dengan MySejahtera.

“Ini seterusnya mengurangkan kemasukan dan kadar kematian pesakit Covid-19 di kebanyakan hospital,” katanya.

Mengikut ketetapan baharu itu, seramai 100 jemaah termasuk pentadbir dibenarkan menunaikan solat Jumaat di enam



HANYA individu yang lengkap dua suntikan sahaja boleh menunaikan solat jemaah di masjid dan surau di Selangor.

buah jenis masjid.

Ini meliputi Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Negeri); Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong; Masjid Raja Haji Fi Sabilillah, Cyberjaya; masjid pengurusan, institusi dan kariah.

“Sementara surau kebenaran solat Jumaat pula hanya dibenarkan 50 jemaah termasuk pentadbir,

manakala surau kariah dan musolla tidak dibenarkan langsung.

“Bagi solat fardu, 50 jemaah termasuk pentadbir bagi kesemua masjid, surau dan musolla,” jelasnya.

Sementara itu, sumber JAIS mengesahkan surat pekeliling tersebut dengan kebenaran hanya kepada mereka yang telah lengkap dua suntikan vaksinasi.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

4 September 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	112 kakitangan JAIS diarah ambil suntikan vaksin
Muka Surat	:	5

112 kakitangan JAIS diarah ambil suntikan vaksin

SHAH ALAM – Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan mengeluarkan surat arahan kepada 112 individu terdiri daripada guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA), Pegawai Masjid dan Penolong Pendaftar Nikah yang enggan menerima vaksin.

Pengarah JAIS, Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad berkata, surat tersebut bagi meminta mereka hadir menerima vaksin dalam program Vaksinasi Khas yang dijalankan bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) pada hari dan masa yang akan ditetapkan nanti.

“Jika mereka tidak hadir, tindakan sewajarnya akan dimulakan mengikut peraturan yang ditetapkan.

“JAIS sangat berharap agar semua yang terlibat akan hadir pada tarikh dan masa yang akan ditetapkan dalam masa terdekat,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.



KERATAN Kosmo! semalam.

Beliau berkata, pihaknya menjunjung titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenaan vaksinasi dalam kalangan kakitangan JAIS.

Justeru, Mohd. Shahzihan menegaskan akan menggunakan fungsinya sebagai pengarah JAIS yang perlu dan patut bagi memastikan sebarang usaha dan ikhtiar kerajaan.

“Ini juga selaras titah Sultan Sharafuddin sebagai Ketua Agama Islam bagi negeri Selangor dalam memastikan kesejahteraan masyarakat di negeri ini berada ditahap yang diharapkan dapat direalisasikan,” katanya.



KERATAN AKHBAR

4 September 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	NGO serah memorandum bantah nyahwarta HSKLU
Muka Surat	:	12

NGO serah memorandum bantah nyahwarta HSKLU

SHAH ALAM – Tindakan kerajaan negeri menyahwartakan tanah Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) seluas 536.7 hektar terus mendapat bantahan yang disifatkan rakus dalam mengorbankan alam sekitar.

Malah, kelulusan pemberimilikan di kawasan nyahwarta kepada sebuah syarikat pemaaju turut dipersoalkan selepas mendapati ia meragukan.

Setiausaha Otai Reformis, Abdul Razak Ismail mendakwa, kerajaan negeri sebelum ini memberi jaminan bahawa penyahwartaan itu akan ditangguh, namun berlaku sebaliknya.

“Kami hairan bagaimana sebuah syarikat baru ditubuhkan enam bulan lalu mendapat tanah tersebut dengan harga RM3 bagi satu kaki persegi.

“Ini tidak masuk akal kerana harga tanah ditawarkan kepada syarikat itu sangat murah. Kita juga akan membuat laporan polis berhubungnya,” katanya di sini semalam.

Terdahulu, Otai Reformis, pertubuhan Gerak 98 dan Pertubuhan Khazanah Alam Malaysia menyerahkan memorandum bantahan kepada pegawai pejabat Menteri Besar Selangor, Shari Said di luar bangunan Kerajaan Negeri Selangor.



ABDUL RAZAK (tiga dari kiri) menyerahkan memorandum kepada Shari di Shah Alam semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

4 September 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Hala tuju HSKLU dibawa MMKN Rabu depan
Muka Surat	:	6

Hala tuju HSKLU dibawa MMKN Rabu depan

SHAH ALAM - Isu penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) dan cadangan Lebuhraya Petaling Jaya Dispersal Link (PJD Link) telah dibincangkan oleh pengerusi parti-parti komponen Pakatan Harapan (PH) Selangor dalam satu pertemuan pada Jumaat.

Menerusi satu kenyataan bersama, mereka bersetuju isu penyahwartaan HSKLU dibawa dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada Rabu depan.

“Semua pihak telah menyatakan pandangan dan keprihatinan

masing-masing berhubung isu tersebut.

“Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari akan membawa isu ini dalam mesyuarat MMKN untuk dipertimbangkan hala tuju dan keputusan dalam isu ini,” kata kenyataan itu pada Jumaat.

Kenyataan bersama itu dikeluarkan oleh Pengerusi Parti Keadilan Rakyat (PKR) Selangor, Amirudin; Pengerusi DAP Selangor, Gobind Singh Deo dan Pengerusi Parti Amanah Negera (Amanah) Selangor, Ir Izham Hashim.

Dalam kenyataan sama, mereka berkata, isu bantahan ter-

hadap cadangan PJD Link turut dibincangkan secara terperinci dan mengambil maklum bahawa PJD Link belum diluluskan oleh kerajaan.

“Mesyuarat juga turut bersetuju menolak sebarang usaha untuk menghidupkan semula projek lebuhraya Kinrara-Damansara Expressway (KIDEX) atau seumpama dengannya.

“Kami komited dalam menjunjung semua prinsip-prinsip asas PH berkaitan alam sekitar dan agenda kepedulian rakyat sebagai pedoman serta panduan dalam setiap perancangan pembangunan negeri,” kata mereka.



KERATAN AKHBAR

4 September 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Hormat suara rakyat, batal nyah warta segera - MN Selangor
Muka Surat	:	6

Hormat suara rakyat, batal nyah warta segera - MN Selangor

SHAH ALAM - Muafakat Nasional (MN) Selangor mendesak agar kerajaan Selangor akur serta menghormati suara rakyat dan membatalkan penyahwartaan tanah Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) seluas 536.7 hektar sertamerta tanpa berdolak-dalik serta bermain politik.

MN Selangor menerusi kenyataan bersama oleh Pengerusi UMNO Selangor, Tan Sri Noh Omar dan Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi mengakui kesal dengan tindakan kerajaan Selangor yang meneruskan penyahwartaan HSKLU walaupun telah berjanji untuk menanggung dan menyemak semula perkara itu di persidangan Dewan Negeri Selangor baru-baru ini.

Menurut kenyataan itu, penyahwartaan tanah telah diluluskan dalam mesyuarat Unit Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) 17/2021 bertarikh 5



NOH



AHMAD YUNUS

Mei 2021 dengan direkodkan dalam Warta Kerajaan Selangor pada tarikh 12 Ogos 2021 serta terus berkuat kuasa.

“Tindakan mengeneipkan bantahan awam dan suara ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) kerajaan serta pembangkang yang menolak tindakan ini cukup tidak bertanggungjawab.

“Malah ia mencerminkan kerajaan pimpinan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amiruddin Shari tidak lagi memiliki

integriti sebagaimana diikrarkan oleh Manifesto Pakatan Harapan (PH) sebelum ini.

“Kerajaan Selangor perlulah sentiasa mengamalkan tadbir urus yang baik dan penuh berintegriti demi memberikan kualiti hidup yang baik serta bermakna buat rakyat selain memelihara dan mempertahankan negeri tercinta ini,”-kata kenyataan tersebut pada Khamis.



KERATAN AKHBAR
4 September 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	'Selangor wajar jadi contoh pelihara hutan'
Muka Surat	:	6

'Selangor wajar jadi contoh pelihara hutan'



Shariffa Sabrina (tengah) menyerahkan memorandum kepada wakil menteri besar berhubung bantahan penyahwartaan HSKLU di pintu hadapan Pejabat SUK Selangor pada Jumaat.

Infrastruktur di negeri ini sudah mencukupi, tidak perlu lupus HSKLU

Oleh ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka) mendesak kerajaan Selangor membatalkan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) susulan infrastruktur di negeri itu mencukupi.

Presidennya, Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, kerajaan negeri wajar memelihara lebih banyak hutan simpan atau mewujudkan taman-taman yang

terdiri daripada kepelbagaian spesies haiwan dan tumbuhan.

Beliau berkata, sebagai sebuah negeri maju, Selangor perlu menjadi contoh kepada negeri lain dalam aspek pemeliharaan kawasan hutan simpan yang menjadi sumber bagi penyerapan air hujan.

"Kami juga dah nyatakan sewaktu sesi *townhall* sebelum ini bahawa kita tidak mahukan apa-apa kemusnahan berlaku di kawasan HSKLU.

"Selangor kalau ada sahaja hutan, semua nak bangunkan dan kita kena faham betapa pentingnya hutan ini dipelihara," katanya selepas menyerahkan memorandum bantahan kepada wakil kerajaan negeri di hadapan pintu masuk Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Selangor pada Jumaat.

Selain Peka, beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) lain seperti Otai Reformis, dan Pertubuhan Gerak98 turut hadir

bagi menyerahkan memorandum bantahan berkenaan.

Dalam pada itu, Setiausaha Otai Reformis, Abdul Razak Ismail menggesa semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di negeri itu agar dapat merujuk Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parti Keadilan Rakyat (PKR) berikutan beliau telah memberi maklumat palsu kepada pimpinan Pakatan Harapan (PH).

"Menteri Besar beri jaminan yang salah sebelum ini di mana beliau memaklumkan bahawa penyahwartaan berkenaan akan ditangguhkan.

"Kita nyatakan yang ia adalah pembohongan kerana pada 12 Ogos 2021, telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Selangor bahawa tanah itu sudah dilucutkan hak status sebagai hutan simpan," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

4 September 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	UMNO Selangor terus desak kerajaan negeri batal nyah warta HSKLU
Muka Surat	:	6

UMNO Selangor terus desak kerajaan negeri batal nyah warta HSKLU

SABAK BERNAM

- UMNO Selangor mendesak kerajaan negeri membatalkan terus penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU).

Ketua Penerangannya, Datuk Abd Rahman Bakri berkata, UMNO tidak mahu keputusan itu ditangguhkan semata-mata sebaliknya kerajaan negeri perlu ada ketegasan untuk membatalkan rancangan pembinaan pembangunan bercampur di kawasan hutan itu.

“Kami tidak mahu kerajaan negeri menangguhkan sementara sebaiknya mahu ketegasan daripada kerajaan negeri untuk membatalkan sebarang projek pembangunan di kawasan tersebut,” katanya pada Jumaat.

Abd Rahman berkata, menyahwartakan tanah hutan sim-



ABD RAHMAN

pan itu bukan hanya menjejaskan biodiversiti hutan itu sebaliknya tidak memberi manfaat kepada penduduk sekitar.

Jelas beliau, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari diminta lebih peka dan sensitif ber-

hubung isu itu dan menyelesaikannya segera.

“Sudah tentu penyahwartaan ini mengganggu gugat kawasan hutan dan ekosistem, mahupun kehidupan masyarakat setempat khususnya masyarakat orang asli,” katanya.

Katanya, HSKLU wajib dipertahankan bagi menangani isu perubahan iklim dan cuaca pada masa ini.

“Kejadian bencana banjir besar dan bencana alam yang kerap antara kesan yang berlaku berpunca daripada perubahan iklim,” katanya.



KERATAN AKHBAR

4 September 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	JAIS keluar arahan guru KAFA, pegawai masjid perlu ambil vaksin
Muka Surat	:	24

JAIS keluar arahan guru KAFA, pegawai masjid perlu ambil vaksin

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan mengeluarkan satu arahan rasmi secara bersurat kepada setiap guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), pegawai masjid dan penolong pendaftar nikah yang enggan mengambil suntikan vaksin Covid-19.

Pengarahnya, Datuk Mohd Shahzihan Ahmad berkata, JAIS akan menggunakan fungsinya yang perlu bagi memastikan setiap individu terlibat mengambil suntikan vaksin berkenaan dalam memastikan kesejahteraan rakyat di negeri ini terjamin.

Mohd Shahzihan berkata, JAIS akan menguruskan bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) bagi melaksanakan program vaksinasi khas untuk membolehkan pihak terlibat mendapat suntikan vaksin Covid-19.

"JAIS berharap agar semua pihak terlibat hadir pada tarikh dan masa yang akan ditetapkan dalam tempoh terdekat," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.



JAIS berharap agar semua pihak terlibat hadir pada tarikh dan masa yang akan ditetapkan dalam tempoh terdekat," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat."

Kenyataan itu dikeluarkan susulan titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada Khamis di mana individu terlibat yang enggan mengambil suntikan vaksin Covid-19 berkemungkinan tidak dibenarkan untuk meneruskan tugas selepas ini.

Baginda menzahirkan rasa dukacita apabila terdapat dalam kalangan golongan itu yang memilih untuk tidak mahu divaksin kerana tindakan tersebut membahayakan diri sendiri dan orang ramai.

Baginda bertitah, JKNS diharapkan dapat menyegerakan proses vaksinasi Covid-19 terhadap golongan berkenaan kerana bimbang boleh memudaratkan pelajar.



MOHD SHAHZIHAN



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
4 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Solat Jumaat dengan 100 jemaah
Muka Surat	:	24

Solat Jumaat dengan 100 jemaah

Jumlah jemaah di surau pula ditetapkan seramai 50 orang termasuk pentadbir

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**

SHAH ALAM

Seramai 100 orang jemaah dibenarkan untuk solat Jumaat dan 50 jemaah bagi solat fardu lima waktu di seluruh masjid Selangor berkuatkuasa pada Jumaat.

Selain itu, bagi surau yang mendapat kebenaran solat Jumaat, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) juga menetapkan seramai 50 jemaah dibenarkan untuk menunaikan solat Jumaat dan fardu lima waktu.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mughni ber-

kata, kehadiran jumlah jemaah di surau pula ditetapkan seramai 50 orang individu termasuk pentadbir bagi menunaikan solat lima waktu selepas ini.

"Kerajaan Persekutuan dan kerajaan Selangor telah menggerakkan langkah-langkah pencegahan yang agresif bagi mengekang wabak Covid-19 ini.

"Ini dapat dilihat dalam proses vaksinasi di mana telah mencapai 69 peratus daripada jumlah keseluruhan yang berdaftar dengan MySejahtera dan telah mengurangkan kadar kemasukan ke hospital," katanya menerusi kemaskini di laman Facebook, pada Jumaat.

Dalam pada itu, Mohd Zawawi berkata, jemaah yang ingin menunaikan solat di masjid dan surau negeri ini seharusnya lengkap dua dos vaksin Covid-19 dan terdiri daripada ahli kariah yang tinggal dalam kawasan terlibat.

Beliau berkata, jawatankuasa masjid dan surau juga perlu melaksanakan kaedah penggiliran

bagi solat fardu lima waktu dan solat Jumaat jika bilangan kehadiran jemaah yang menerima dua dos vaksin melebihi kapasiti ditetapkan.

"Pentadbir masjid, surau dan musolla dikehendaki memastikan jemaah yang hadir mematuhi kawalan sendiri dengan memakai pelitup muka, membawa sejadah sendiri dan berwuduk di rumah.

"Selain itu, jemaah yang bergejala tidak dibenarkan hadir selain tidak boleh berasak-asak sewaktu berada di masjid, surau atau musolla," katanya.

Mohd Zawawi berkata, semua aktiviti pengimarah masjid dan surau juga boleh diteruskan secara dalam talian sebagai pilihan bagi memohon bantuan ALLAH SWT.

Tambah beliau, pengurusan jenazah bukan Covid-19 juga dibenarkan di masjid dan surau negeri ini dengan kehadiran kaum kerabat waris seramai 20 orang dan enam orang pihak jawatankuasa masjid atau surau.



Seramai 100 orang jemaah dibenarkan untuk menunaikan solat Jumaat dan 50 jemaah bagi solat fardu lima waktu di seluruh masjid di Selangor.

"Selain itu, ruang solat untuk musafir, pemandu e-hailing dan khidmat penghantar makanan

hendaklah terus disediakan oleh pihak masjid atau surau," katanya.



KERATAN AKHBAR

4 September 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Lembah Klang alami gangguan bekalan air lagi
Muka Surat	:	26

Lembah Klang alami gangguan bekalan air lagi

SHAH ALAM - Sebanyak 463 kawasan di lima wilayah di Selangor mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual berikutan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas sepenuhnya akibat pencemaran bau pada sumber air mentah.

Air Selangor dalam kenyataannya memaklumkan, LRA Sungai Semenyih dihenti tugas sejak jam 5.15 petang berikutan pencemaran bau yang berlaku di Sungai Semenyih.

Menurut kenyataan itu, sebanyak 172 kawasan di Petaling terlibat dengan gangguan bekalan itu selain Hulu Langat (54), Sepang (194), Putrajaya (23) dan Kuala Langat (20).

“Air Selangor akan memaklumkan perkembangan berkaitan dengan insiden ini dari masa ke masa menerusi medium komunikasi rasmi kami iaitu aplikasi Air Selangor, Twitter, Facebook dan Instagram Air Selangor dan laman <https://hentitugas.airselangor.com/>,” kata kenyataan itu di Facebook Air Selangor pada Jumaat.

Kejadian pencemaran bau di Sungai Semenyih merupakan kejadian kali kedua berlaku dalam tempoh tiga hari.

Sinar Harian pada Selasa melaporkan, 323,623 akaun di lima wilayah di Selangor mengalami gangguan bekalan air berikutan henti tugas Loji Rawatan Air Sungai Semenyih akibat pencemaran bau di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
4 September 2021

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	Pulih Dan Pelihara Sisa Hutan Yang Ada
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
4 September 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Each MBSJ councillor to get RM5,000 for anti-dengue programme
Muka Surat	:	2

Each MBSJ councillor to get RM5,000 for anti-dengue programme

By **JADE CHAN and GERARD GIMINO**
 metro@thestar.com.my

SUBANG Jaya City Council (MBSJ) has received close to RM400,000 from Selangor government for dengue control and prevention activities.

Of the amount, RM120,000 will be channelled to its 24 councillors for anti-dengue programmes through their respective Residents Representative Councils (MPP).

These details were revealed during the tabling of MBSJ's Urban Health and Wellness Committee report at the council's August full board meeting.

"The RM120,000 allocation, or RM5,000 per councillor per zone, can be used immediately," said Subang Jaya mayor Noraini Roslan.

"But councillors have to organise programmes carefully to be in

compliance with Covid-19 standard operating procedures.

"The remaining funds will be used to buy chemicals for fogging and other items needed by MBSJ's Health Department for the same programme," she elaborated.

Noraini added that fogging exercises were usually carried out by MBSJ or Petaling District Health Office.

Later, MBSJ Health Department director Dr Roslan Mohamed Hussin suggested that councillors use their allocation to buy Abate and aerosol chemicals to be distributed to residents through the MPP.

"We are mooted this idea because *gotong-royong* is not encouraged due to Covid-19 movement restrictions," he said.

He explained that fogging was not the best way to manage the dengue problem as frequent fogging would result in mosquitoes



Noraini reminds councillors to ensure dengue programmes are in compliance with Covid-19 SOP.

being resistant to the chemicals used and that the best method was to search and destroy mosquito-breeding grounds.

Based on MBSJ's data, as of epidemiology Week 33 which was up

to Aug 21, a total of 1,384 dengue cases were reported in the city.

Four dengue hotspots are in USJ 11/3, USJ 2/2, Taman Perindustrian SIME UEP Subang (Jalan TP) and USJ 16 (Sri Tanjung).

MBSJ's report on the Covid-19 pandemic also stated that as of Aug 17, a total of 1,477 employees or 97.56% of MBSJ's total workforce had received vaccination.

Of the number, 1,418 or 93.66% of MBSJ's total workforce had received both doses, while 37 employees had yet to be inoculated.

Subang Jaya deputy mayor Mohd Zulkurnain Che Ali said nine employees did not want to be vaccinated for various reasons.

"Of the six employees I met, two did not want to be vaccinated (without valid reasons) while the others declined due to medical reasons such as heart problems.

"Those who feel that their health condition does not allow them to be inoculated, have been asked to provide letters from their doctors," he added.

Noraini said Zulkurnain met the concerned personnel, most of whom were from the Enforcement Department, to explain the risks involved to colleagues and the public.

She said Management Services Department would need to refer to the guidelines in place on the action to be taken to address the situation.

"The department needs to check whether disciplinary action can be taken if employees refuse to comply with instructions without valid reasons.

